

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan impak promosi produk-produk berasaskan sawit di Maghribi dan Mesir.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Misi Ekonomi dan Pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama pada 21 September sehingga 24 September 2018 telah berjaya mengukuhkan hubungan dua hala antara negara-negara berkenaan dengan Malaysia terutama dalam sektor sawit.

Negara-negara tersebut telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia berdasarkan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap pembangunan industri sawit secara mampan. Mesir dan Maghribi merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah dan secara tidak langsung, pasaran baharu seperti Tunisia dan Libya juga akan dapat ditembusi.

Selain itu, misi tersebut berjaya mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Mesir dalam perdagangan komoditi melalui perbincangan dua hala antara YB Timbalan Menteri Industri Utama dengan Menteri Hasil dan Perdagangan Dalam Negeri Mesir.

Ketika sesi pertemuan dengan delegasi Malaysia, pihak industri di Mesir telah menunjukkan minat yang tinggi untuk bekerjasama dengan Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Sebagai contoh, terdapat sebuah syarikat pengeluar minyak masak utama di Mesir telah mendapatkan khidmat nasihat teknikal dan latihan daripada MPOB. Ini merupakan pendekatan khusus kepada penggiat industri di Mesir untuk terus menggunakan produk sawit Malaysia dan secara tidak langsung meningkatkan eksport produk sawit ke negara berkenaan.

MPOB juga telah dijemput untuk memberi penerangan tentang kebaikan produk sawit serta perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam beberapa siri seminar yang dianjurkan bersama beberapa agensi di Mesir.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi Negara Maghribi pula, Kementerian melalui MPOB bersama-sama dengan *Islamic Center of Development of Trade* (ICDT) telah menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Casablanca, Maghribi pada 7 Februari 2019 dengan tema *Minyak Sawit Malaysia: Faedah kepada Ekonomi & Kesihatan*. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan eksport produk sawit ke negara berkenaan di samping mempromosikan aktiviti penyelidikan terkini berkaitan industri sawit.

Dengan usaha yang berterusan ini, dijangkakan lebih banyak peluang akan menyusul selepas ini bagi mengembangkan pasaran minyak sawit negara ke rantau tersebut.

Sekian, terima kasih.